

# PM: Hudud Pas zalim

**J**AKARTA 17 Sept.— Undang-undang jenayah yang cuba diperkenalkan oleh Pas boleh membawa kepada keadaan huru-hara kerana umat Islam akan dizalimi, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad.

Menurut beliau, para ulama yang telah mengkaji undang-undang jenayah Pas itu mendapati ia hanya akan membawa kepada satu tindakan yang zalim.

“Sebagai contoh dalam hukuman bagi mereka yang melakukan zina, berdasarkan undang-undang tersebut anak yang dilahirkan di luar nikah boleh dijadikan bukti bahawa perempuan berkenaan telah melakukan perzinaan.

“Bayangkan jika perempuan itu melahirkan anak tersebut kerana dirogol, apakah dia mempunyai empat saksi yang baik dan tidak pernah melakukan dosa untuk membuktikan bahawa dia telah dirogol, adalah sulit kerana kejadian rogol biasanya tidak dapat dilihat semasa kejadian itu berlaku,” katanya.

Beliau berkata demikian semasa berucap pada majlis dialog dengan masyarakat dan pelajar Malaysia di Kedutaan Besar Malaysia di sini petang ini.

Dr. Mahathir yang diiringi oleh isterinya, Datuk Seri Datin Paduka Dr. Siti Hasmah Mohd. Ali berada di sini dalam rangka lawatan kerja selama dua hari.

Menurut beliau, kerajaan tidak pernah menentang hudud tetapi hukum jenayah Pas itu tidak menjamin perlakuan adil terhadap rakyat.

Hal tersebut katanya, jelas dengan pendirian Pas yang hanya mahu mengenakan undang-undang berkenaan terhadap orang Islam sahaja tetapi bagaimana bagi penganut agama lain yang melakukan kesalahan yang sama dengan orang Islam.

“Mana keadilan dalam

undang-undang seperti ini, dalam Islam keadilan itu penting, jika hukuman yang dikenakan berbeza, di manakah keadilan yang dituntut oleh Islam,” katanya.

Mengenai isu Al-Arqam, Dr. Mahathir berkata, tindakan kerajaan menangkap pemimpin pergerakan itu bukan kerana kerajaan takut

menghadapi saingan daripada Al-Arqam.

“Kita telah menghadapi Pas sejak dahulu lagi dan mereka tidak berjaya, apakah tindakan kita ini menunjukkan kita takut kepada Al-Arqam,” kata beliau.

Di samping itu, beliau juga menolak dakwaan sesetengah ahli UMNO yang khuatir langkah kerajaan menangkap Asaari Mohamad akan menjejaskan peluang UMNO dalam pilihanraya.

Malah langkah itu, kata Perdana Menteri, membuktikan bahawa tindakan yang diambil kerajaan itu bukan bersifat politik tetapi sebaliknya ingin menjaga kemuliaan agama Islam.

Selain daripada itu Dr. Mahathir menyebut kejayaan beberapa syarikat milik bumiputera dan syarikat yang diuruskan oleh bumiputera yang telah mencapai kejayaan.

Malah, katanya, kini syarikat-syarikat yang menjadi milik atau diuruskan oleh bumiputera rata-ratanya mencapai keuntungan melebihi RM1 bilion berbanding syarikat bukan bumiputera.

Di samping itu, Dr. Mahathir juga sempat menyatakan bahawa keadaan politik serta keselamatan dalam negara kini berada dalam keadaan yang cukup baik sekali.— *Utusan*.